

19 DEC 1999
Mahathir-Umno
MESYUARAT MT UMNO DUA KALI SEBULAN

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno yang sekarang mengadakan mesyuaratnya sekali sebulan akan bermesyuarat dua kali sebulan pada masa akan datang bagi membolehkannya membincangkan lebih banyak perkara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mesyuarat dua kali sebulan itu ialah kerana banyak perkara tidak dapat dibincangkan pada mesyuarat yang diadakan sebulan sekali seperti sekarang.

"Kita biasanya mengadakan mesyuarat sebulan sekali tetapi memandangkan kita ada banyak perkara yang tidak dibincang semasa mesyuarat MT, sebab itu kita berpendapat ada baiknya diadakan mesyuarat lebih kerap," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini hari ini.

Mesyuarat hari ini adalah yang pertama selepas pilihan raya umum 29 Nov lepas.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata bahawa pada mesyuarat hari ini, MT membincangkan mengenai keputusan pilihan raya dan menganalisis sebab-sebab Umno mendapat majoriti undi yang kurang.

Perdana Menteri berkata antara faktor yang dikenal pasti ialah kempen PAS menyebarkan fitnah dan pembohongan seperti kononnya Menteri Besar Negeri Sembilan menternak babi, Perdana Menteri tidak mengiktiraf ulama serta pengedaran surat-surat palsu yang kononnya ditulis oleh beliau.

Terdapat dokumen palsu diedarkan seperti watakah pelantikan calon Barisan Nasional dikeluarkan oleh Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob atas nama Umno sedangkan yang sebenarnya watakah pelantikan calon dikeluarkan oleh Dr Mahathir atas nama Barisan Nasional.

Sambil memberi contoh dokumen dan surat palsu yang diedarkan PAS, Dr Mahathir berkata antara fitnah lain yang disebar ialah seperti pembinaan gereja di tanah yang dimilikinya dan surat kepada Perdana Menteri Israel Ehud Barak menggunakan kertas yang mempunyai logo Kerajaan Persekutuan sedangkan tandatangan itu bukan tandatangannya.

"Kita sedang mengumpul semua bahan ini untuk dikaji dan bentuk tindakan yang boleh diambil bagi menerangkan bahawa itu ialah pembohongan dan fitnah," katanya.

Dr Mahathir berkata fitnah dan pembohongan itu berlaku dalam jangka masa yang pendek semasa kempen pilihan raya dan penjelasan tidak dapat dibuat.

Dr Mahathir berkata faktor lain ialah kelemahan Umno sendiri iaitu terlalu taksub dan setia kepada pemimpin tertentu sehinggakan apabila pemimpin itu tidak dipilih sebagai calon, jentera pilihan raya parti gagal digerakkan.

Beliau berkata semua cadangan yang dikemukakan oleh anggota MT akan diberikan perhatian dan tindakan yang perlu akan dilakukan.

Mengenai kekalahan Umno dan Barisan Nasional di Kelantan dan Terengganu, beliau berkata Pengerusi Badan Perhubungan Umno dari kedua-dua negeri itu sudah menerangkan mengenai kekalahan Umno di negeri berkenaan dan MT sudah mengambil perhatian mengenainya.

Dr Mahathir berkata MT juga membincangkan mengenai anggota parti yang didapati belot dan "menikam Umno dari belakang" tetapi tindakan terhadap mereka belum ditentukan kerana Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti akan meneliti perkara berkenaan dan membuat keputusan.

Ditanya sama ada bekas setiausaha politik beliau Datuk Saad Man

terlibat dalam pakatan untuk mensabotajnya sewaktu proses penamaan calon bagi kerusi Parlimen Kubang Pasu pada 20 Nov lepas, Dr Mahathir berkata: "Tidak."

Laporan akhbar hari ini menyebut bahawa Saad ialah seorang daripada anggota Umno yang akan dikenakan tindakan disiplin kerana bertindak di luar kepentingan parti.

Beliau juga menafikan dia dipecat daripada jawatan itu, sebaliknya, katanya, dia telah meletakkan jawatan pada awal bulan ini. a

Mengenai tarikh pemilihan pucuk pimpinan parti yang dikatakan akan dibincangkan hari ini, Dr Mahathir berkata mesyuarat MT sepatutnya membincangkan perkara itu tetapi memutuskan untuk membincangkannya pada mesyuaratnya yang akan datang.

-- BERNAMA

TM MAI